NOTIS PENJELASAN DOKUMEN TENDER

No. Tender: UMKB/T/12/2026-GREAT

Tajuk Tender: MEMBEKAL DAN MENGHANTAR BAHAN PAKAI HABIS MAKMAL UNTUK PROJEK SRF DI INSTITUT TEKNOKEUSAHAWANAN EMAS, LOGAM NADIR BUMI DAN BAHAN GREAT, UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN UMK, KAMPUS JELI, KELANTAN

PERKARA: PENJELASAN BERHUBUNG TAWARAN TENDER SECARA SEBAHAGIAN

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Dimaklumkan bahawa selaras dengan peruntukan di bawah **Syarat-Syarat Tender: Tender Sebahagian** dalam dokumen tender yang telah diedarkan, petender adalah **DIBENARKAN mengemukakan tawaran bagi keseluruhan atau sebahagian item** yang disenaraikan dalam dokumen tender.
3. Sehubungan itu, bagi mengelakkan sebarang kekeliruan berhubung arahan pengisian Jadual Harga, perkara berikut adalah ditegaskan:
    a) Petender **TIDAK DIWAJIBKAN** mengemukakan tawaran harga bagi semua item yang disenaraikan.
    b) Petender **WAJIB melengkapkan semua maklumat teknikal dan harga bagi setiap item yang dipilih untuk ditawarkan**.
    c) Item yang tidak ditawarkan hendaklah dinyatakan sebagai **"TIDAK DITAWARKAN"** dalam Jadual Harga.
4. Penjelasan ini dikeluarkan selaras dengan **Syarat-Syarat Tender: Tender Sebahagian** serta mengambil kira ketetapan **Pekeliling Perbendaharaan Malaysia PK 2.1, Perenggan 17: Pindaan Dokumen Pelawaan**, bagi memastikan penyampaian maklumat yang jelas, seragam dan adil kepada semua petender.
5. Notis ini hendaklah dibaca bersama-sama dokumen tender asal dan menjadi sebahagian daripada dokumen tender berkenaan. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan berkaitan pengisian harga bagi semua item, ketetapan dalam notis ini hendaklah terpakai.
6. Semua petender diminta mengambil maklum dan mematuhi penjelasan serta pindaan yang dinyatakan dalam notis ini.

Sekian, terima kasih.

SEKSYEN PEROLEHAN

Pejabat Bendahari
Universiti Malaysia Kelantan
Tarikh: 19 Oktober 2026